

# Mahathir masih timbang turun atau hapuskan elaun2 tertentu menteri2

UM 17 DEC 1981  
KUALA LUMPUR, 16 Dis. - Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad masih lagi menimbang sama ada menu-run atau menghapuskan terus elaun-elaun tertentu Timbalan Perdana Menteri, menteri-menteri, timbalan-timbalan menteri dan beliau sendiri yang dianggap berlebihan.

Beliau berkata demikian semasa menjawab satu soalan dalam sidang akhbar di sini hari ini tentang sama ada beliau bercadang untuk membuat potongan gaji golongan terlibat.

"Tidak semestinya potongan gaji dibuat tapi apa yang sedang ditimbang ialah sama ada

menurunkan elaun-elaun tertentu ataupun menghapuskannya sama sekali," tegasnya.

Sambil ketawa beliau berkata: "Saya akan beritahu awak semua bila tiba masanya."

Mengenai Kampuchea, Perdana Menteri memberitahu negara ini hanya akan memberi bantuan yang berasaskan perike-manusiaan kepada negara itu tapi tidak menghalang jika ada negara lain yang memberi bantuan ketenteraan kepada Kampuchea.

Bagaimanapun, tegasnya Malaysia tidak akan terlibat dengan bantuan ketenteraan itu.

Bercakap mengenai pencapaian 30 peratus bumiputera dalam sektor perdagangan dan perindustrian, Datuk Sri Dr. Mahathir menegaskan pencapaian peratus ini oleh golongan bumiputera

itu mungkin dalam bidang tertentu saja.

"Oleh itu tidak bermakna Dasar Ekonomi Baru (DEB) tidak dipulaukan lagi," kata beliau.

Datuk Sri Dr. Mahathir juga menegaskan bahawa beliau sendiri belum mendapat sebarang laporan dari mana-mana pihak mengenai tuduhan ke atas Setiausaha Agung DAP, Encik Lim Kit Siang yang dikatakan menjadi agen Singapura.

"Malah saya sendiri tidak menerima sebarang laporan dari Ketua Menteri Melaka, Encik Adib Adam mengenai hal ini," jelasnya.

Mengenai lawatannya ke Singapura esok, Perdana Menteri itu memberitahu para wartawan bahawa ia akan membincangkan soal-soal meningkatkan lagi hubungan perdagangan di antara kedua buah negara.